



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 17 DISEMBER 2024**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KPKM SALUR RM13.23 JUTA KEPADA PESAWAH TERJEJAS BANJIR TAHUN INI, ASTRO AWANI -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	SALUR RM13.23 JUTA KEPADA PESAWAH TERJEJAS BANJIR, NASIONAL, SH -7	
3.	'JANGAN TERBURU-BURU ISYTIHAR DARURAT TANAM PADI', DALAM NEGERI, UM -31	
4.	PETANI RUGI AKIBAT BAN PECAH, SAWAH MENJADI BENTENG PASIR, NEGARA, KOSMO -14	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
5.	PESAWAH MOHON BAIK PULIH SAWAH TERJEJAS BANJIR, DALAM NEGERI, UM -34	
6.	JPV RAMPAS 798.6kg KARKAS LEMBU, KUALA TERENGGANU, SH -24	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
7.	RUGI RM300,000, 47 SANGKAR IKAN HANYUT, NEGARA, KOSMO -15	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
8.	JAGA TANAMAN DARI HOSPITAL, LOKAL, HM -21	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
9.	MELAKA MAMPU KELUAR NANAS MD2 TERBESAR, DALAM NEGERI, UM -34	LAIN-LAIN
10.	'HABIS KEBUN JAGUNG KAMI MUSNAH', NEGARA, KOSMO -15	
11.	RUGI RM6.6j 'PUKULAN' PERTAMA, LOKAL, HM -19	
12.	CIVIL SUIT FILED OVER KILLING OF STRAY DOG KOPI, NATIONAL, THE SUN -5	
13.	FROM THE BARRACKS TO FARM LIFE, NATION, THE STAR -13	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/12/2024	ASTRO AWANI	ONLINE	

KPKM salur RM13.23 juta kepada pesawah terjejas banjir tahun ini



Arthur berkata pada masa sama pihaknya akan mengadakan mesyuarat jawatankuasa induk esok bagi menilai kerosakan daripada pemohon yang terlibat dengan bencana banjir dari Jun hingga Oktober tahun ini. - Gambar fail/Bername

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah menyalurkan bantuan sebanyak RM13.23 juta kepada 6,747 pesawah yang terjejas

banjir pada tahun ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Arthur Joseph Kurup berkata bantuan itu adalah untuk kerosakan dan kemusnahan kawasan tanaman berkeluasan 12,800 hektar berdasarkan data yang dikumpulkan setakat Oktober lepas.

“Kelantan, Kedah dan Perlis ialah beberapa negeri yang mengalami kesan dan kerugian paling besar akibat bencana yang telah melanda negara.

“Tabung Bencana Tanaman Padi 2023 sebelum ini sudah menyediakan RM8.38 juta untuk bantu 4,946 pesawah di ketiga-tiga negeri berkenaan melibatkan kawasan musnah seluas 7,400 hektar,” katanya pada sesi soal jawab di Dewan Negara hari ini.

Beliau menjawab soalan tambahan Senator Abdul Nasir Idris mengenai nilai bantuan diberi kepada pesawah dan bilangan pesawah yang menerima manfaat daripada tabung berkenaan.

Arthur berkata pada masa sama pihaknya akan mengadakan mesyuarat jawatankuasa induk esok bagi menilai kerosakan daripada pemohon yang terlibat dengan bencana banjir dari Jun hingga Oktober tahun ini.

“Ia juga melibatkan tiga negeri dan kita setakat ini menganggarkan kerosakan sebanyak RM12.88 juta dan melibatkan 5,817 pesawah, tetapi yang kita maklum gelombang banjir ini datang lagi setiap beberapa fasa.

“Mesyuarat yang akan berlangsung esok ini hanya untuk menilai kerosakan dari Jun hingga Oktober dan kita dilanda sekali lagi pada November dan Disember, kita sedang mengumpul data dan buat penilaian kepada gelombang terbaharu ini, (mungkin) mengambil masa sebab

kadang-kadang kita kena tunggu air surut sebelum kita boleh buat penilaian dan hal itu pun mengambil masa," katanya.

Beliau berkata pihaknya dijangka mengadakan mesyuarat jawatankuasa induk untuk gelombang terkini pada awal tahun hadapan bagi penilaian dan penyaluran bantuan lanjut.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/12/2024	SINAR HARIAN	NASIONAL	7

Salur RM13.23 juta kepada pesawah terjejas banjir

KUALA LUMPUR - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah menyalurkan bantuan sebanyak RM13.23 juta kepada 6,747 pesawah yang terjejas banjir pada tahun ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Arthur Joseph Kurup berkata, bantuan itu adalah untuk kerosakan dan kemusnahan kawasan tanaman berkeluasan 12,800 hektar berdasarkan data yang dikumpulkan setakat Oktober lepas.

"Kelantan, Kedah dan Perlis ialah beberapa negeri yang mengalami kesan dan kerugian paling besar akibat bencana yang telah melanda negara."

"Tabung Bencana Tanaman Padi 2023 sebelum ini sudah menyediakan RM8.38 juta untuk bantu 4,946 pesawah di ketiga-tiga negeri berkenaan melibatkan kawasan musnah seluas 7,400 hektar," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Negara pada Isnin.

Beliau menjawab soalan tambahan Senator Abdul Nasir

Idris mengenai nilai bantuan diberi kepada pesawah dan bilangan pesawah yang menerima manfaat daripada tabung berkenaan.

Arthur berkata, pada masa sama pihaknya akan mengadakan mesyuarat jawatankuasa induk pada hari ini bagi menilai kerosakan daripada pemohon yang terlibat dengan bencana banjir dari Jun hingga Oktober tahun ini.

"Ia juga melibatkan tiga negeri dan kita setakat ini menganggarkan kerosakan sebanyak RM12.88 juta dan melibatkan 5,817 pesawah, tetapi yang kita maklum gelombang banjir ini datang lagi setiap beberapa fasa."

"Mesyuarat yang akan berlangsung esok (Isnin) ini hanya untuk menilai kerosakan dari Jun hingga Oktober dan kita dilanda sekali lagi pada November dan Disember. Mungkin mengambil masa sebab kadangkala kita kena tunggu air surut sebelum kita boleh buat penilaian," katanya.

- Bernama



Pesawah berada dalam petak sawah yang dipenuhi air yang tidak dapat disalir keluar menyebabkan semua benih padi mati.

'Jangan terburu-buru isytihar darurat tanam padi'

Oleh MOHD. RAFIE AZIMI
utusannews@medianulla.com.my

ALOR SETAR: Cadangan untuk membatalkan musim penanaman padi perlu dipertimbangkan dan tidak boleh dilaksanakan terburu-buru kerana dibimbangi memberi kesan terhadap kadar tahap sara diri (SSL) pertanian negara.

Pengerusi Pertubuhan Pesaqwaan Pesawah Malaysia (PeSAWAH), Abdul Rashid Yob berkata, apa yang lebih perlu diberi perhatian kerajaan ketika ini adalah pemberian bantuan segera agar pesawah kembali memiliki modal untuk melaksanakan tanaman semula.

Tambahnya, tidak salah untuk kerajaan memberi bantuan tanpa mengisytiharkan darurat kerana petani sentiasa bersedia melaksanakan semula tanaman padi jika mereka dibantu berbuat demikian.

"Sekarang ini India dan Vietnam memang bernakam padi mereka dieksport, tetapi kalau tiba-tiba negara itu laksana semula larangan eksport seperti sebelum ini, itu mungkin berbahaya kepada negara dalam keadaan petani kita sendiri tidak menghasilkan padi kerana pembatalan musim.

"Bagi saya adalah lebih baik kerajaan beri tumpuan untuk segera beri bantuan kepada petani, seperti yang pernah



KEADAAN sawah yang ditenggelami banjir baru-baru ini di Titi Gajah, Alor Setar, Kedah.

kami minta sebelum ini. "Janglah tunggu sampai hampir setahun selepas bencana baru bantuan tabung bencana tanaman padi (TBTP) hendak sampai. Kalau disegerakan, insya-Allah petani akan segera usahakan bendang mereka semula kerana jiwa pesawah ini memang sangat komited dengan usaha penanaman padi," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Kelmarin, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kota Sempit, Mohd. Ashraf Mustaqim Badrul Munir menggesa Kementerian Pertanian dan Keter-

jaminan Makanan (KPKM) mempertimbang untuk membatalkan musim penanaman padi ketika ini atau mengisytiharkan darurat kepada petani yang terjejas akibat banjir.

Menurut Mohd. Ashraf, petani terlibat juga perlu menerima bayaran pampasan atau wang ihsan 'batal musim' dengan minimum RM1,200 bagi setiap satu relung atau 0.29 hektar sawah padi kerana mereka kini mengalami kerugian kos input selain kehilangan modal pusingan untuk meneruskan musim penanaman padi.

Mengulas lanjut, Rashid berkata, perkara lain yang perlu diberi perhatian adalah pelaksanaan Skim Takaful Tanaman Padi (STTP) kepada pesawah yang ketika ini terdapat beberapa perkara tidak jelas dalam kalangan mereka terutamanya membabitkan sawah yang diusahakan secara sewa.

"Ketika ini ramai yang merungut kerana pelaksanaannya masih terumbang-ambing. Kerajaan birokrasinya juga banyak terutamanya kepada mereka yang mengusahakan bendang secara sewa," katanya.

Petani rugi akibat ban pecah, sawah menjadi benteng pasir

TAMPIN – Para pesawah yang menjadi peserta Skim Padi Kampung Londah, di sini meminta pihak terbabit membantu membaik pulih lot sawah yang dimasuki pasir sungai selepas kejadian banjir.

Seorang peserta, Mohd. Noor Abu Bakar, 45, berkata, dia tidak dapat mengusahakan sawah cerikna apabila terlalu banyak pasir sungai masuk ke dalam sawah.

Katanya, kerja-kerja membaik pulih itu perlu disegerakan kerana dia tidak mampu melakukannya sendiri kerana tidak mempunyai peralatan khusus.

"Ini sahajalah pekerjaan yang saya buat bagi menanggung dua anak yang masih bersekolah, isteri serta ibu bapa. Ada wakil Jabatan Pertanian datang melihat keadaan sawah selepas banjir dan saya harap ada berita baik selepas ini," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Seorang lagi peserta, Md. Sani Ab. Malek, 54, berkata, dia mengangarkannya kos bagi membaik pulih sawah serta menyuburkan semula tanah mencecah sehingga RM4,000.



NORAZMI SHAM (kanan) ditemani Mohd. Noor Abu Bakar (tengah) melihat tapak sawah terjejas banjir di Kampung Londah, Tampin semalam.

Menurutnya, dua tahun lalu, sawahnya terjejas banjir dan Jabatan Pertanian membantu dari segi penyediaan tapak untuk kembali bersawah.

"Namun, kita juga harap bantuan dari segi membaik pulih kesuburan tanah kerana ia juga mampu menjejaskan hasil padi nanti," katanya.

Sementara itu, Ketua Kelompok Skim Padi Kampung Lon-

dah, Norazmi Sham Abdullah, 55, berkata, ada juga pesawah bernasib baik kerana sempat mem-bawa hasil padi sebanyak 300 tan metrik pada musim lalu yang dituai sebelum tengkujuh.

Menurutnya, itu merupakan antara strategi pesawah bagi memastikan tidak mengalami kerugian teruk setelah mengalami jari trend musim tengkujuh yang akan berlaku seawal November.

17/12/2024

UTUSAN

MALAYSIA

DALAM

NEGERI

34

Pesawah mohon baik pulih sawah terjejas banjir

oleh NOR ANNA HAMZAH
Utusan Newsprint Media Group

TAMPIN: Pesawah di Slim Padi Lendah, Gemas di sini memohon pihak berkaitan membantu bagi kerja-kerja baik pulih di terjejas sawah mereka yang terjejas akibat banjir baru-baru ini.

Peserta, Mohd. Noor Abu Bakar, 45, yang merupakan generasi kedua mengusahakan sawah berkenaan memohon bantuan pihak berkaitan untuk memulakan sawah awal bulan depan bersama peserta lain.

"Saya tidak mampu untuk membiayanya sendiri kerana tidak mempunyai perkhidmatan sebarang jenis yang terjejas," kata wakil jawatan Pertanian yang datang melihat keadaan kami selepas banjir dan saya harap ada berita baik secepatnya," katanya ketika ditemui di Slim Padi Lendah.

Slim itu membabitkan 56 peserta dengan keluasan 86 hektar sawah di mana tujuh peserta terjejas apabila ban sungai pecah sepanjang lebih 40 meter dan mengakibatkan sawah ke dalam petak sawah.

Peserta, Md. Sami Ab Malek, 54, berkata, banjir baru-baru ini menjejaskan kos membaik pulih sawah dan menyukarkan tanah yang digagalkan memcah RM4,000.



NORAZMI SHAM ABDULLAH (kanan) bersama Mohd. Noor Abu Bakar (tengah) dan Md Sami Ab Malek (kiri) melihat tapak sawah yang terjejas banjir di Kampung Lendah, Gemas, Tampin hari ini. - UTUSAN/NOR ANNA HAMZAH

Sementara itu, Ketua Kelompok Slim Padi Kampung Lendah, Mohd. Noor Abu Bakar, berkata, pihaknya berharap pihak berkaitan dapat membantu pesawah kerana sawah terjejas ini sudah lama menunggu untuk dipulihkan.

"Bagaimanapun, banjir kali ini menyebabkan kerosakan infrastruktur apabila bertenggang sungai pecah serta menengkingkan pesawah, jadi pesawah yang terjejas ini memerlukan bantuan pihak berkaitan untuk dipulihkan," katanya.

menamatkan tidak mengalami kerugian teruk setelah menerima bantuan daripada pihak berkaitan yang akan berlaku sawah Noor Abu Bakar.

"Bagaimanapun, banjir kali ini menyebabkan kerosakan infrastruktur apabila bertenggang sungai pecah serta menengkingkan pesawah, jadi pesawah yang terjejas ini memerlukan bantuan pihak berkaitan untuk dipulihkan," katanya.

berhadapan dengan masalah. "Untuk permulaan musim ini, pesawah memerlukan bantuan pihak berkaitan untuk pulihkan sawah terjejas ini," katanya.

"Bagaimanapun, banjir kali ini menyebabkan kerosakan infrastruktur apabila bertenggang sungai pecah serta menengkingkan pesawah, jadi pesawah yang terjejas ini memerlukan bantuan pihak berkaitan untuk dipulihkan," katanya.

Melaka mampu keluar nanas MD2 terbesar

JASIN: Seri Nanas Farm mahu menjadikan Melaka antara pengeluar nanas MD2 terbesar di negara ini dalam tempoh tiga tahun.

Pesawah Ususan, Aminin Abd Rashid berkata, sasaran itu ditetapkan berdasarkan kejayaan tujuan pertama sebanyak 30,500 biji yang dihasilkan oleh nanas MD2 di Ladang Bukit Senggeh, Selandar dekat sini.

Ladang itu merupakan usaha sama dengan pihak Ususan dan Ususan (MDM) yang mula di tanam sejak Ogos tahun lalu dan berjaya menghasilkan kira-kira 60,000 metrik tan nanas MD2. Ususan itu merupakan sawah seluas 15 hulan.

"Saya berharap lebih banyak agensi kerajaan negeri menjalankan kerja sama dengan Ususan Farm Melaka sebagai pengeluar utama nanas MD2."

"Kita sasaran, dalam tempoh tiga tahun lagi hendaklah nanas yang dihasilkan daripada sawah ini mencapai 100 hektar sawah," katanya.

Utusan berhadapan permasalahan tugas pesawah di Ladang Bukit Senggeh, Ususan Farm Melaka. Ususan Farm Melaka telah ditemui pada Perasmian Program Tuatannya, Nanas MD2 Seri Nanas Ususan di Ladang Bukit Senggeh.

Melaka disempurnakan Yang Dipertua Negeri, Tun Mohd. Ali Mohd. Rustam yang juga Presiden DUMD Melaka, tanah terbiar boleh diusahakan dengan tanaman tersebut bagi memajukan ekonomi penduduk setempat memajukan kawasan sawah berdaya saing.

Seralat ini pihaknya mengusahakan nanas MD2 di tanah seluas 12 hektar daripada 43 hektar di Ususan, Negeri Sembilan.

Nanas MD2 mudah ditanam kerana tidak perlu dijaga selalu sebaliknya cukup sekadar meracik dan menyirai.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/12/2024	SINAR HARIAN	KUALA TERENGGANU	24

JPV rampas 798.6kg karkas lembu

Disyaki bukan disembelih di rumah penyembelihan dilulus, dilesenkan

Oleh NORHASPIDA YATIM
KUALA TERENGGANU

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu merampas 798.6 kilogram (kg) karkas lembu bernilai RM19,965 disyaki bukan disembelih di rumah penyembelihan diluluskan atau dilesenkan.

JPV dalam satu kenyataan berkata, rampasan tersebut dilakukan sepasukan anggota penguat kuasa berdekatan sebuah masjid di sini, kira-kira jam 8.30 pagi pada Isnin.

Menurutnya, tindakan itu dilakukan hasil risikan oleh sepasukan pegawai dan anggota penguat kuasa jabatan berkenaan beberapa hari lalu.

"Kita berjaya mengesan dan menahan sebuah lori yang membawa karkas haiwan dipercayai lembu ketika pemeriksaan dijalankan pagi tadi (Isnin).

"Pihak JPV turut merampas beberapa bilah alat memotong daging, peralatan-peralatan mengisi daging



Antara karkas lembu yang dirampas JPV ketika pemeriksaan di sebuah masjid dekat Kuala Terengganu pada Isnin.



dan sebuah lori yang digunakan untuk mengangkut karkas tersebut. Nilai keseluruhan rampasan dianggarkan RM81,095," menurut JPV.

Kenyataan itu memaklumkan, kes itu disiasat di bawah Kaedah-Kaedah Binatang Kawalan Penyembelihan 2009.

"Siasatan dijalankan kerana disyaki memiliki karkas disembelih di luar rumah sembelih yang diluluskan atau dilesenkan oleh jabatan seperti mana kaedah 5(3) Kaedah2 Binatang (kawalan penyembelihan) 2009," jelas JPV.

Dalam pada itu, kenyataan itu memberitahu, rampasan tersebut merupakan rampasan terbesar tahun ini yang melibatkan karkas lembu.

"Tahun lepas kita hanya merampas sebanyak 185kg karkas lembu dan jumlah rampasan kali ini berbeza serta lebih tinggi berbanding sebelumnya.

"Justeru masyarakat di luar sana terutama pemain industri diminta agar sentiasa mematuhi undang-undang sedia ada bagi memastikan jangkitan penyakit haiwan kepada manusia dapat dikawal sebaik mungkin," menurut kenyataan itu.

'Habiskan kebun jagung kami musnah'

LIPIS – Kira-kira 40 pekebun jagung Binjai di Kampung Binjai di sini hilang sumber pendapatan sekelip mata apabila kebun jagung yang mereka usahakan musnah akibat banjir.

Rata-rata pekebun mendakwa, keadaan itu menyebabkan pendapatan mereka yang sebahagian besar bergantung sepenuhnya kepada tanaman jagung terjejas sekali gus membekankan mereka dalam menyara keluarga.

Ketua Peladang Warita Kampung Binjai, Rohana Abdul Razak, 58, berkata, kawasan kebun jagung seluas kira-kira 16 hektar itu telah beberapa kali ditenggelami air sejak bulan September lalu.

"Sudah beberapa kali air daripada Sungai Lipis naik dan merusnahkan kebun, kemudian surut kembali. Baru sahaja kami hendak menanam semula, banjir pula melanda kawasan ini.

"Kawasan yang dinaiki air akan mengambil masa sehingga dua minggu untuk kering sepenuhnya. Ini menyebabkan kami kehilangan punca pendapatan," katanya di sini kelmarin.

Seorang lagi pekebun, Norzian Bakar, 54, berkata, akibat kejadian banjir yang berlaku baru-baru ini, pekebun terpaksa menanggung kerugian mencecah ribuan ringgit.

"Pokok jagung memerlukan tempoh matang dua bulan 10 hari untuk mengeluarkan hasil sebelum dijual. Sekiranya kami tanam benih sekarang dibinangi air sungai naik kembali dan merusnahkan hasil yang kami usahakan," katanya.

Tambah Norzain, dia dan pekebun yang lain sudah habis ikhtiar untuk menjana pendapatan kembali jika keadaan berterusan begitu.

"Tolonglah bantu kami, sudah habis ikhtiar dah ni, ujan-nya."



SEBAHAGIAN pekebun menunjukkan pokok jagung yang musnah akibat banjir di Kampung Binjai di Lipis baru-baru ini.



KEADAAN sangkar ikan yang rosak selepas dihanyutkan arus deras Sungai Pahang di Temerloh semalam.

Sangkar pecah akibat arus deras Sungai Pahang Rugi RM300,000, 47 sangkar ikan hanyut

Oleh SALEHUDIN MAT RASAD

TEMERLOH – Seramai lima penernak ikan sangkar dari Kampung Tanjung Batu di sini, mengalami kerugian lebih RM300,000 apabila 47 sangkar ikan dan rumah rakit yang dihanyutkan arus deras Sungai Pahang kelmarin.

Kejadian berlaku sekelip mata susulan arus deras Sungai Pahang itu menyaksikan sangkar ikan dan rumah rakit berkenaan hanyut kira-kira 10 kilometer sehingga ke Kampung Lebak Se-berang.

Seorang penernak ikan sangkar, Zahz Zah Hamzi, 35, berkata, dalam kejadian kira-kira pukul 4 petang itu, hampir 80,000 ikan pelbagai jenis seperti patin, lam-

pam, baung, kerai dan kelah terlepas dan mati.

"Anggaran kerugian itu kerana banyak ikan mati, terlepas bebas, kerosakan sangkar, rumah rakit yang hilang dan tumbesaran ikan terbunuh kerana sensitif dengan perubahan persekitaran.

"Keadaan ini amat membekalkan kami yang kini hilang sumber pendapatan dan memerlukan modal bagi membaiki dan membina semula sangkar ikan dan rumah rakit," katanya di sini semalam.

Seorang lagi penernak ikan sangkar, Ahmad Nawawi Siah, 37, mengakui telah berusaha memastikan persediaan menghidapi Monsun Timur Laut (MTL) dengan mengikat kemas sangkar dengan tali kapal tetapi ia terputus dari ikatan pokok besar ber-

hampiran sangkar.

Katanya, ekor arus sungai Pahang terlahi deras menyebabkan tali yang mengikat sangkar akhirnya terputus menyebabkan sangkar hanyut dan pecah.

Sementara itu Pengerusi Persatuan Penernak Ikan Sangkar Temerloh, Ibrahim Hussein berkata, penernak ikan sangkar yang terkesat akibat banjir diminta mengambil gambar semasa dan selepas kejadian.

Katanya, kerajaan melalui Jabatan Perikanan menyediakan skim bantuan seperti benih ikan, makanan ikan dan lain-lain dan mereka perlu mengisi borang maklumat dan bukti bergambar bagi mengemukakan permohonan. "Nanti pekebun terkesat kena maklum kepada Jabatan Perikanan," jelasnya.



MOHD Shah memeriksa pokok cili besar yang ditanamnya di Pusat Rujukan Teknologi Tinggi, Fama Alor Gajah. Gambar kecil, memantau tanaman melalui telefon bimbit.

Jaga tanaman dari hospital!

Penggunaan internet pelbagai benda mengubah status pesara tentera menjadi petani moden

Alor Gajah

Penggunaan teknologi internet pelbagai benda (IoT) nyata mengubah kehidupan Ssin (B) Mohd Shah A Rahman, 43, daripada seorang pesara tentera kepada petani moden.

Selepas bersara dari-pada perkhidmatan keselamatan itu pada 2022, beliau menceburi bidang pertanian fertigasi secara kecil-kecilan di rumahnya di Kampung Sungai Tuang di sini dengan modal sebanyak RM1,300, sebelum berpakat dengan seorang rakan untuk membuka sebuah kebun sayur, juga menggunakan teknik penanaman sama.

"Saya menanam kira-kira 2,000 polibeg terung namun kerana kurang ilmu, ia tak berapa menjadi menyebabkan saya kerugian. Saya kemudian menyertai kursus anjuran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) di Port Dickson, Negeri Sembilan untuk menambah pengetahuan mengenai pertanian secara fertigasi ini.

"Selepas itu saya ditawarkan untuk menyewa

tapak fertigasi di Pusat Rujukan Teknologi Tinggi di Pejabat Fama Alor Gajah pada Mei lepas dan alhamdulillah, pusat ini mempunyai kemudahan IoT yang banyak memudahkan urusan saya memantau aktiviti pertanian," katanya ketika ditemui di pusat rujukan itu di sini semalam.

Mengulas lanjut, Mohd Shah berkata Pusat Rujukan Teknologi Tinggi berkenaan menawarkan kelengkapan fertigasi menyeluruh, seperti sistem pengairan menggunakan batang paip yang disambung secara terus ke tangki air dan pancang, selain IoT yang memudahkan beliau memantau campuran baja, tahap pH air dan sebagainya.

"Menerusi sistem berkenaan, saya tidak perlu lagi mengeluarkan tenaga yang banyak untuk memantau hasil pertanian. Semuanya boleh dipantau menggunakan aplikasi yang dimuat turun ke dalam telefon pintar dan banyak masa saya boleh habiskan dengan keluarga di rumah.

"Malah baru-baru ini, ketika terpaksa menjaga ibu di hospital, tiga hari saya tak datang jenguk

kebun, tetapi sistem IoT berkenaan membantu saya membuat pemantauan dan ia 'bekerja' sendiri untuk mencampurkan baja serta menyiram 560 polibeg pokok terung dan cili yang diusahakan di pusat rujukan itu," katanya.

Bapa kepada empat anak berusia 6 hingga 11 tahun itu yang juga peserta Ladang Kontrak Fama berkata pada musim lepas, beliau berjaya menuai kira-kira 1.5 tan terung selepas anak pokok mencapai tahap matang dalam tempoh 45 hari selepas ditanam.

Beliau berkata menerusi penggunaan IoT juga, Fama dapat memantau secara langsung perkembangan aktiviti pertaniannya menerusi perkongsian aplikasi yang disertakan dengan teknologi terbahit.

"Kadang-kadang saya dapat juga panggilan daripada Pengarah Fama Melaka (Nor Azhar Abdul Hamid) yang sering memantau aktiviti pertanian saya menggunakan telefon bimbitnya jika mendapati ada perkara yang tidak kena, contohnya, seperti campuran baja tidak tepat dan sebagainya," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/12/2024	HARIAN METRO	LOKAL	19

BANJIR

Rugi RM6.6j 'pukulan' pertama

Kuala Terengganu: Sektor pertanian, agromakanan dan perikanan kerugian lebih RM6.6 juta akibat banjir gelombang pertama yang melanda negeri ini baru-baru ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, sektor pertanian paling terkesan apabila 739 petani kerugian RM2.48 juta selepas lebih 1,300 hektar kawasan sawah musnah ditenggelami banjir.

Katanya, sektor agromakanan membabitkan seramai 250 petani pula dilaporkan mengalami kerugian RM1.3 juta selepas 162.4 hektar tanaman musnah ditenggelami banjir.

"Seramai 85 pengusaha ikan dalam sangkar kerugian kira-kira RM1.57 juta apabila sangkar musnah dihanyutkan air, ternakan mati dan terlepas ke perairan umum," katanya di sini, semalam.

Terdahulu, Dr Azman yang juga Ahli Dewan Undangan negeri (Adun) mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Tabung Bencana Pertanian Negeri di Wisma Darul Iman.

Ketika diminta mengulas laporan bot dan sampan nelayan yang dilambuhkan di sungai Kampung Telaga Papan, Setiu, Dr Azman berkata, sebanyak 27 bot dan sampan milik nelayan tempatan pecah.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/12/2024	THE SUN	NATIONAL	5



Supporters demanding justice for *Kopi* at the Kuala Lumpur Court Complex yesterday. – ADAM AMIR HAMZAH/THESUN

Civil suit filed over killing of stray dog *Kopi*

KUALA LUMPUR: A civil suit has been filed in the Terengganu High Court seeking a declaration that the killing of a stray dog, *Kopi*, was illegal and violated the Animal Welfare Act 2015, lawyer Rajesh Nagarajan said.

At a press conference yesterday, he said the lawsuit aims to hold the Besut District Council accountable for what animal rights groups have described as a brutal and unlawful act, sparking national outrage and calls for stricter enforcement of animal welfare laws.

Among the plaintiffs are animal rescuers Kartini Farah Abd Rahim, Mukunnam Sugumaran, Hong Hai San and Selangor Furry Future Association president Shashi Kumar Shanmugam.

The lawsuit names the Besut District Council and the Terengganu state government as the defendants.

"Nowhere in the Animal Welfare

Act does it allow for any cat, dog, or other animals to be shot.

"The death of *Kopi* is a case of premeditated murder.

"We are deeply saddened that not only was *Kopi* murdered, but many dogs are being brutally killed daily in Malaysia.

"These barbaric acts must be halted and we will not tolerate this anymore," Rajesh said.

The hearing for the case has been scheduled for Jan 15.

However, Rajesh noted that if the court requires replies and submissions to be filed, the process could take three to six months, depending on its directives.

Shashi Kumar, one of the plaintiffs, said a memorandum was submitted to Parliament on Nov 12 calling for reforms to address the treatment and welfare of stray animals.

"During a recent parliamentary session, a minister defended the Animal Welfare Act 2015, asserting that it is sufficient and does not require amendments, while criticising the effectiveness of humane strategies like trap-neuter-release programmes.

"If the government has a good strategy for controlling the dog population, why are their numbers growing?" he questioned.

Kopi became a viral topic after a 52-second video showed the dog dying from severe injuries.

A resident reported hearing a loud gunshot before discovering the incident on Oct 6.

The Besut District Council previously said its action against the stray dog adhered to field procedures. – by **QIRANA NABILLAH MOHD RASHIDI**

From the barracks to farm life



Looking good: Mohd Shah monitoring his farm using IoT technology through an app on his phone. — Bernama

Retired soldier embraces agritech, all thanks to IoT

ALOR GAJAH: The use of Internet of Things (IoT) technology has helped a retired soldier become a modern farmer.

After retiring from military service in 2022, Sergeant (Rtd) Mohd Shah A. Rahman ventured into small-scale fertigation farming at his home with an initial capital of RM1,300.

He then partnered with a friend to start a vegetable farm using the same planting technique.

"My initial attempt to plant 2,000 polybags of eggplant was unsuccessful due to my lack of knowledge and resulted in losses.

"To improve, I attended a course organised by the Federal

Agricultural Marketing Authority (Fama) at a centre in Port Dickson, Negri Sembilan, to learn more about fertigation farming.

"In May, I took up a lease at a fertigation site at the High Technology Reference Centre at the Fama Alor Gajah Office. This centre has IoT facilities that make it much easier for me to monitor my agricultural activities," the 43-year-old told Bernama yesterday.

Mohd Shah, of Kampung Sungai Tuang, said the centre provides comprehensive fertigation equipment, including an irrigation system with pipe stems connected directly to the water tank and spikes, as well as IoT tools.



Hot commodity: Mohd Shah checking on his chili plants at the Fama centre in Alor Gajah. — Bernama

"These tools allow me to conveniently monitor key factors such as fertiliser composition and water pH levels," he said, adding that the system saves him time, energy and labour costs.

"Everything can be monitored using an app downloaded to a smartphone and I can spend a lot of time with my family at home.

"Recently, when I had to take care of my mother in the hospital, I was not able to go to the farm for three days.

activities by the participants.

He said Fama also provides counselling and advice, which enables him to learn more and boost his agricultural activities.

Melaka Fama director Nor Azhar Abdul Hamid said the IoT technology was purchased from Italy and introduced in the state this year.

"We are currently monitoring the development of the use of this technology as a pilot project," he said.